

30 AUG 1996  
Mahathir-Sabah  
SABAH JUGA BOLEH MAJU, KATA PM

KOTA KINABALU, 30 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini memberi kata-kata perangsang kepada seluruh rakyat Sabah bahawa mereka berkemampuan untuk maju seperti rakyat di negeri-negeri lain di Malaysia.

Perdana Menteri berkata tidak ada sebab mereka tidak boleh maju kerana mereka tidak kurang kebolehannya berbanding rakyat negeri lain.

"Saya yakin Sabah boleh. Apa yang rakyat Malaysia yang lain boleh buat, rakyat Sabah juga boleh buat. Jangan percaya kalau ada orang kata Sabah tidak boleh (berjaya)," katanya semasa melancarkan kempen "Malaysia Boleh, Sabah Boleh" di Dewan Serbaguna Kompleks Sukan Likas hari ini, menjelang sambutan Hari Kebangsaan ke-39 yang akan berlangsung di sini esok.

Kempen itu bertujuan, antara lain memupuk semangat percaya kepada diri sendiri di kalangan rakyat negeri ini yang selama ini ketinggalan ekoran keadaan politik yang tidak menentu.

Beliau berkata apa yang penting ialah semangat yang tinggi untuk terus maju dan mencuba berkali-kali sekiranya menemui kegagalan, agar dapat memperolehi kecekapan yang diperlukan untuk berjaya.

Kata Perdana Menteri, Sabah juga mempunyai tenaga profesional yang dapat membantu negeri ini berjaya kerana menurutnya, beliau sendiri pernah berjumpa dengan rakyat Sabah yang menjadi golongan profesional di luar negara.

"Saya sendiri jumpa di Universiti Victoria, Vancouver, seorang penuntut dari Sabah yang belajar dalam bidang kejuruteraan yang terancang. Mereka ini akan balik dan membantu negeri ini untuk membangun," katanya.

Katannya, asal usul seseorang bukannya menjadi penghalang untuk menjadi golongan profesional.

Perdana Menteri memberi contoh seorang anak tempatan di Kodiang, Kedah, sebuah kawasan yang dianggap hulu di Semenanjung, juga mampu menjadi juruterbang pesawat Boeing 747-400.

"Dulu pekan itu cukup hulu (terpencil) sehingga orang anggap orang dari Kodiang ini bodoh. Tapi sekarang dia (juruterbang berkenaan) telah membuktikan bahawa dia boleh. Kalau orang Kodiang pun boleh, apatah lagi orang Sabah," kata Perdana Menteri disambut dengan tepukan gemuruh daripada mereka yang hadir.

Di tengah-tengah ucapannya, Dr Mahathir turut melaungkan ungkapan "We can do it" (Kita boleh) sebanyak tiga kali yang disambut dengan tepukan bersemangat kira-kira 3,000 hadirin.

Dr Mahathir berkata negara juga boleh menghadapi apa juga cabaran dengan jayanya jika semangat tinggi dan pantang menyerah kalah dijadikan amalan, malah mampu melakukan dengan lebih baik berbanding beberapa negara membangun.

Antara contoh kejayaan Malaysia ialah industri kereta nasionalnya yang telah berkembang pesat dan kini telah dieksport.

"Dulu, penjajah kata kita tidak boleh maju selepas merdeka kerana menurut mereka kita tidak mempunyai kemampuan dalam industri, malah untuk membuat jarum pun kononnya kita tidak mampu," katanya.

Berikutan itu, katanya, Malaysia telah membuktikan kepada dunia bahawa negara ini boleh maju walaupun pada zaman sebelum merdeka pelbagai pihak termasuk penjajah British berpendapat sebaliknya.

Katanya, kejayaan lain yang dicapai selepas merdeka ialah kemampuannya mengamalkan sistem demokrasi dengan berkesan dan menggunakan sistem itu untuk mencapai pembangunan yang cemerlang, satu pencapaian yang sukar

ditandingi negara lain yang seusia Malaysia.

Sementara itu Ketua Menteri Datuk Yong Teck Lee berkata kejayaan Malaysia telah mendorong kerajaan negeri untuk melancarkan kempen "Malaysia Boleh, Sabah Boleh" bagi membolehkan negeri ini menjejaki kejayaan negara.

"Saya ingin menjelaskan bahawa kempen ini bukan sekadar slogan semata-mata. Kita telah menetapkan matlamat khusus dan telah menentukan pelbagai rancangan untuk pembangunan, dapat dicapai," katanya.

Yong berkata, dengan memahami dan menghargai keperluan negeri ini serta aspirasi rakyat pelbagai kaum di Sabah, kita telah mula melihat tanda-tanda bahawa Sabah boleh (berjaya)," katanya.

Sabah juga sedang melaksanakan sistem penggiliran bagi jawatan Ketua Menteri antara kaum Bumiputera, Bukan Bumiputera dan Cina.

Yang turut hadir ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, menteri-menteri persekutuan dan negeri. -- BERNAMA

JS KG NMO